

# Kecacatan fizikal bukan penghalang Tay miliki ijazah

Larissa Lumandan Di 5.9.14 3

KOTA KINABALU: Dia mungkin kehilangan satu kaki akibat kanser dan masih lagi di bawah pemeriksaan semula untuk penyakit tetapi tiada yang dapat menghalang keinginan membara Sylvis A. Tay untuk memiliki ijazah universiti.

Tay berusia 20 tahun dan berasal dari Kota Marudu sudah lama menghidap kanser tulang sejak usia muda lagi, sembilan tahun dan sehingga hari ini masih lagi diperlukan untuk melakukan pemeriksaan semula sekali setahun di Hospital Queen Elizabeth.

"Pertama kalinya, saya agak bimbang terutamanya dari segi pergerakan kerana UMS diketahui agak berbukit tetapi kemudian selepas mendaftar, saya mendapati bahawa terdapat sebuah kenderaan van disediakan untuk membantu saya dari segi pengangkutan.

"Saya juga diberikan sebuah bilik di tingkat bawah, di mana ia sangat menyenangkan bagi saya," katanya selepas mendaftar untuk program Jurutera Perisian di universiti berke-



**TAY,  
anak  
kelima  
daripada  
enam  
adik-  
beradik.**

naan pada Isnin.

Katanya program itu adalah pilihan pertamanya dan gembira kerana telah diberikan peluang untuk melanjutkan pelajarannya ke universiti.

Tay, anak kelima daripada enam adik beradik, berkata universiti berkenaan telah memberi layanan kelas pertama kepada golongan kurang upaya.

Tambahan pula, dia tertarik oleh kemesraan yang ditunjukkan oleh pelajar-pelajar senior yang telah dilantik 'Pembimbing Suai Mesra' untuk minggu orientasi.

Tay merupakan antara enam pelajar kurang upaya yang telah mendaftar bagi pelbagai kursus semasa pengambilan baru UMS.